

Cabaran memulihara Tasik Chini, rizab biosfera pertama Malaysia

Oleh Dr Mohd Hasmadi Ismail
bhrencana@bh.com.my

Setiap tahun kita meraikan Hari Hutan Sedunia pada 21 Mac dan Hari Biodiversiti Sedunia pada 22 Mei.

Ini sebagai simbolik dan harapan kepada usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, serta meningkatkan kesedaran kepentingan biodiversiti dan alam sekitar kepada manusia sejagat.

Tasik Chini bukan hanya popular dengan kisah legenda Naga Seri Gumum atau lebih dikenali sebagai Naga Tasik Chini, sebaliknya ia permata alam amat berharga di Pahang.

Ia diwartakan kawasan rizab biosfera Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan

Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pertama di negara ini pada 26 Mei 2009.

Dengan keluasan kira-kira 6,922.97 hektar, ia menjadi habitat kepada lebih 104 spesies pokok terancam, 304 spesies haiwan bukan akuatik dan 144 spesies ikan air tawar.

Sebagai tapak rizab biosfera pula, ia berfungsi sebagai kawasan pemuliharaan dan konservasi biodiversiti, menyokong pembangunan lestari dan menawarkan sokongan logistik sebagai pusat pembelajaran, latihan, penyelidikan dan sebagainya.

Isu alam sekitar di Tasik Chini menjadi topik hangat beberapa hari lalu di media sosial. Ini termasuk dakwaan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) bahawa Tasik Chini kini terancam berikutan aktiviti perlombongan di kawasan itu.

Kerajaan Pahang juga digesa mengambil tindakan segera menghentikan semua aktiviti perlombongan di Tasik Chini dan kawasan sekitarnya.

Pada 13 Jun lalu, kerajaan Pahang melalui Jabatan Perhutanan menjelaskan melalui kenyataan media bahawa tiada lesen kawasan perlombongan baharu diluluskan sejak 2019.

Operasi perlombongan sedia ada juga mengikut syarat ditetapkan termasuk perlu melaksanakan penilaian kesan alam sekitar (EIA). Tindakan tegas akan diambil jika operator lombong melanggar syarat ini.

EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Shahrar Shamsudin, tidak menafikan masih terdapat kegiatan perlombongan di kawasan Tasik Chini, namun ia bukan aktiviti baharu seperti ditularkan dan tidak berlaku di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Susulan itu, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah RI'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menitahkan supaya aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini dihentikan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan sudah merangka dan melaksanakan pemulihan untuk Tasik Chini dengan meluluskan Kawasan Rizab Taman Negeri seluas 4,497.25 hektar untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Chini pada 13 Mac 2019. Ini selaras Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984.

Kawasan diwartakan itu, terutama membatik kawasan berhutan boleh juga diwartakan sebagai satu daripada 12 fungsi kelas hutan seperti dinyatakan dalam Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara.

Kerajaan negeri juga menggiatkan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan ini dengan meperruntukkan RM10 juta untuk kawasan yang terosot seluas 202.34 hektar.

Pada 2019, peruntukan tanam semula hutan sebanyak RM250,000 dilaksanakan bagi menanam semula pokok di bekas lombong. Kawasan lombong akan pulih dan dipulihkan selepas operasinya tamat.

Menguruskan kawasan Tasik Chini cabaran yang memerlukan komitmen tinggi pelbagai pihak. Rizab Biosfera Tasik Chini di bawah UNESCO

dikoordinasi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Kepelbagaian biodiversiti diselaraskan di peringkat kementerian, dengan beberapa jawatankuasa yang berkait dengan isu ini dibentuk.

Antaranya Majlis Biodiversiti Negara (MBN), Jawatankuasa Utam (Pengurusan Tanah Lemlab, Jawatankuasa Teknikal Biodiversiti untuk Bioteknologi Nasional, Majlis Penasihat Taman Negara, Jawatankuasa Pemandu Teknikal dan Konvensyen Ramsar, serta Jawatankuasa Kebangsaan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar yang Terancam Pupus (CITES).

Dasar digubal termasuklah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Maka, tiada sebab kita mengabaikan isu Tasik Chini sedangkan negara mempunyai akta, dasar dan kepakaran dalam menguruskannya.

Beberapa cadangan boleh difikirkan ke arah pemulihan, pemuliharaan dan pengurusan kelestarian Tasik Chini.

Antaranya mencapai kata sepakat mengenai ancaman utama biodiversiti di Tasik Chini, mengembangkan strategi tindakan pelbagai hala antara pemegang taruh untuk mengatasi ancaman ini, mengenal pasti lokasi utama untuk tindakan pelaksanaan strategi, mengenal pasti petunjuk kesihatan biodiversiti kepada biodiversiti sasaran dan mengintegrasikan usaha lebih mantap ke arah mencapai matlamat sama.

Maka, satu proses perancangan tindakan konservasi boleh digunakan untuk membantu mengembangkan strategi ini.

Proses ini mampu mengenal pasti tindakan sesuai dan berkesan secara saintifik dan sistematik.

Dengan inisiatif dan komitmen padu antara pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, ahli akademik universiti, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat, masa depan Tasik Chini akan dapat dipelihara sesuai fungsinya sebagai tapak rizab Biosfera UNESCO.

Ia dapat menyumbang selain untuk habitat kepelbagaian spesies, kepelbagaian ekosistem dan sumber genetik, juga kepada sosioekonomi masyarakat setempat sebagai produk ekopelancongan dan pendidikan alam sekitar kepada rakyat.

“Tiada sebab kita mengabaikan isu Tasik Chini sedangkan negara mempunyai akta, dasar dan kepakaran dalam menguruskannya”



Profesor di Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

